

SIARAN AKHBAR

Daripada Sylke Becker
Telefon +49 69 756081-33
Faks +49 69 756081-11
E-mel s.becker@vdw.de

EMO Hannover 2013 bertumpu pada “Kepintaran Pengeluaran”

Para pempamer menawarkan cara mengatasi cabaran perkilangan global

Kuala Lumpur, 15 Januari 2013. – EMO Hannover 2013, pameran perdagangan pertukangan logam global yang terunggul, akan berlangsung dari 16 hingga 21 September. Cogan katanya ialah “Kepintaran Pengeluaran”. Para pempamer dari serata dunia akan memperagakan penyelesaian masing-masing bagi cabaran-cabaran yang dihadapi dalam industri tumpuan antarabangsa pada abad ke-21 ini.

Dalam ekonomi global ini, “Kepintaran Pengeluaran” menawarkan peluang memenuhi beberapa keperluan pelanggan yang relevan di pelbagai lokasi pengeluaran. Beberapa penyelesaian pintar akan dipamerkan semasa EMO Hannover, iaitu pentas antarabangsa yang terpenting bagi teknologi perkilangan. “Semua pengguna teknologi perkilangan sedang menghadapi cabaran yang besar-besar di seluruh dunia,” kata Encik Christoph Miller, Pengarah Urusan EMO Hannover dari pihak penganjur EMO, iaitu VDW (Persatuan Pembinaan Perkakas Mesin Jerman) semasa sidang akhbar EMO pada 15 Januari 2013 di Kuala Lumpur. Berdepan dengan beban kos yang berat, serta keperluan yang sangat ketat terhadap kecekapan dan kesan terhadap alam sekitar, operasi pengeluaran mestilah terus cuba mencapai

keberkesanan kos yang setinggi-tingginya. “Pakar pengeluaran dari seluruh dunia sedang mencari cara mengatasi cabaran-cabaran ini, dan menantikan EMO Hannover 2013 dengan penuh debaran,” tambah Encik Miller. Pempamer di EMO yang membantu para pelanggan mereka berkembang maju dalam pasaran global boleh mendapat ganjaran yang besar. “Kepintaran Pengeluaran” ialah kuncinya.

Rakan niaga dalam pasaran global

Penggunaan perkakas mesin sedunia telah berganda melebihi dua kali sepanjang 20 tahun kebelakangan ini. Kebanyakan pengilang perkakas mesin dan pelanggan mereka sudah lama beroperasi secara global. Lebih daripada separuh hasil pengeluaran perkakas mesin sedunia dieksportkan. Lebih daripada 40 peratus mesin yang diperlukan datang dari Asia sahaja dan dihantar ke 70 lebih negara.

Ini mewujudkan peluang dan kemungkinan yang besar untuk para pembekal teknologi perkilangan yang mampu memenuhi spesifikasi dan keinginan serantau. Produk, perkhidmatan, sokongan pelanggan dan ejen pelbagai pasaran juga mestilah mudah didapati dan diatur dengan bijak. Bagi syarikat pembekal, cabarannya adalah untuk menggunakan kemahiran teknikal, kepakaran teknologi yang menyeluruh dan kepakaran proses yang terbaik untuk memenuhi hajat pelanggan seluruh dunia, yang biasanya diiringi beban kos yang besar dan tekanan yang hebat oleh pesaing.

“Pelanggan inginkan rakan-rakan niaga yang berkemahiran dalam pasaran global,” kata Encik Miller. Ini bermakna menawarkan kemampuan teknikal yang betul berserta kehadiran global dan perhubungan yang mudah, sokongan pelanggan seluruh dunia dan barisan perkhidmatan yang menyeluruh sehinggalah kepada peringkat pengeluaran tempatan. Di EMO Hannover 2013, kira-kira 2,000 firma seluruh dunia akan menunjukkan cara mereka boleh menjadi rakan niaga pelanggan dalam pasaran global.

Inovasi bagi kilang-kilang pengeluaran seluruh dunia

Kecekapan, kualiti, fleksibiliti dan ketersediaan adalah asas kejayaan pengguna perkakas mesin, tanpa mengira lokasi operasi pengeluaran mereka. Kelebihan kos yang kecil pun penting apabila menentukan sama ada sesuatu pesanan akan dibuat ataupun tidak, dan ini dicapai melalui teknologi pengeluaran pintar.

Menambahbaikkkan konsep mesin, teknologi pengawalan, perisian, perkakas dan proses sentiasa menjadi tunjang perhatian. Inovasi yang berterusan dalam setiap bidang dapat mengembangkan kefungisian sistem-sistem pengeluaran pintar.

Keperluan pelanggan masa kini, seperti saiz kelompok yang berubah, berbilang varian produk dan permintaan pengeluaran yang dapat dikekalkan adalah faktor-faktor tambahan yang memacu inovasi. Menyelesaikan tugas-tugas yang kompleks ini juga meningkatkan permintaan terhadap komunikasi. Menyediakan set-set data yang besar dan kompleks dengan serentak kepada semua bidang perniagaan, daripada pembangunan dan pembinaan sehinggalah kepada perancangan pengeluaran dan pengurusan pesanan, memerlukan aliran data yang tidak terhalang. Oleh itu, syarikat-syarikat moden yang cekap kini menggunakan sistem-sistem komunikasi menyeluruh yang bersepadu berserta perisian perancangan, pengawalan dan pengujian yang sesuai. Sistem-sistem pengeluaran yang moden pula perlu ditambahbaikkkan secara berterusan, sebagai sebahagian daripada sistem IT keseluruhan syarikat yang berkenaan. “Kepintaran Pengeluaran” memastikan bahawa mesin-mesin pintar berhubung secara bebas dengan sistem pengurusan penyeliaan dan pengawalan masing-masing, yang digelar Industri 4.0.

Pempamer di EMO Hannover 2013, forum inovasi pertukangan logam yang terbesar di dunia, menunjukkan bagaimana semua ini boleh dilakukan dengan lancar, dan inovasi global apa yang ditawarkan bagi perkilangan pintar dalam bidang-bidang ini.

Sokongan pintar untuk pengendali mesin

Namun begitu, menonjolkan diri dalam pasaran dengan teknologi termaju sahaja tidak memadai bagi pembekal teknologi perkilangan. Mereka juga mesti menangani pelbagai keperluan pelanggan. “Keperluan terhadap pengendali mesin biasanya menjadi lebih meluas dan lebih kompleks,” kata Encik Christoph Miller. Jaminan kualiti, dokumentasi, pemantauan dan penyelenggaraan mesin serta jaminan operasi yang cekap menggunakan tenaga hanyalah beberapa isu yang nyata.

“Kepintaran Pengeluaran” membantu pengendali mesin memenuhi setiap keperluan tugas dengan pasti. Peralatan yang digunakan termasuklah unsur-unsur multimedia di dalam sistem pengawalan, sistem diagnostik berasaskan web, penyelenggaraan kawalan jauh, konsep talian kecemasan yang inovatif, dan banyak lagi. Latihan yang khusus juga menyokong kemahiran yang diperlukan oleh pelanggan secara jangka panjang.

Menyesuaikan fungsi-fungsi bantuan pintar ini dengan pengendali mesin dalam setiap pasaran, sama ada dengan sendiri ataupun melalui kerjasama dengan peniaga tempatan, juga suatu lamaran yang berharga dan unik bagi pembekal. EMO Hannover 2013 akan menunjukkan siapakah yang mampu menawarkan perkhidmatan seperti itu.

EMO Hannover 2013 – pameran perdagangan yang terunggul di dunia bagi sektor pertukangan logam

Dari 16 hingga 21 September 2013, para pengilang teknologi pengeluaran antarabangsa akan mempamerkan “Kepintaran Pengeluaran” di EMO Hannover 2013. Pameran perdagangan yang terunggul di dunia bagi industri pertukangan logam ini akan mempersembahkan seluruh barisan teknologi pertukangan logam yang canggih, iaitu nadi setiap proses perkilangan perindustrian. Pameran ini akan membawa jentera terkini, penyelesaian yang cekap, perkhidmatan sokongan, kaedah mencapai kelestarian proses pengeluaran dan banyak lagi. Tumpuan utama EMO Hannover adalah pada perkakas mesin yang digunakan untuk memotong dan membentuk logam, sistem pengeluaran, perkakas persis tinggi, aliran bahan berautomasi, teknologi komputer, barangan elektronik perindustrian, dan aneka aksesori. Pengunjung ke EMO merangkumi setiap cabang utama industri, seperti pembuatan jentera dan kilang, industri automotif dan para pembekal komponennya, sektor ruang angkasa, mekanik dan optik persis, pembinaan kapal, teknologi perubatan, pembuatan perkakas dan acuan, serta pembinaan keluli dan pembinaan ringan. EMO Hannover ialah paksi antarabangsa yang terpenting bagi pakar teknologi pengeluaran seluruh dunia. EMO Hannover 2011 telah menampilkan 2,000 lebih pempamer dan menarik kira-kira 140,000 pengunjung dari 100 lebih negara. EMO ialah tanda dagang berdaftar Persatuan Industri Perkakas Mesin Eropah (CECIMO).

Teks dan imej sidang akhbar EMO boleh didapati dalam talian di www.emo-hannover.de/presseservice. Anda juga boleh melayari halaman-halaman media sosial EMO.

http://twitter.com/EMO_HANNOVER http://twitter.com/EMO_HANNOVER



<http://facebook.com/EMOHannover>



<http://www.youtube.com/metaltradefair>



<http://linkedin.com/company/emo-hannover>



<http://www.cnc-arena.com/emohannover>
